

# Spesies ikan asing patin hitam ditemukan di Sungai Linggi

UM 25/10/2024 pg 34

**POR T DICKSON:** Spesies ikan patin hitam antara tiga jenis ikan asing yang ditemukan di Sungai Linggi di Pengkalan Kempas, di sini menerusi Inventori Perikanan Darat yang dilaksanakan pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan selama dua hari bermula Selasa lalu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, daripada inventori ikan berkenaan, pihaknya mendapati terdapat tiga spesies ikan asing iaitu tilapia hitam, lampam jawa dan patin hitam telah ditemukan.

"Kemungkinan, ikan-ikan asing ini terlepas semasa musim banjir atau bencana. Bagaimanapun, jumlah ikan asing ini tidak banyak dan masih lagi terkawal, ini menunjukkan ekosistem di Sungai Linggi masih sihat."

"Secara keseluruhannya, hasil inventori perikanan merekodkan pendaratan ikan berjumlah 25.98 kilogram yang terdiri daripada spesies ikan-ikan asing dan ikan asli," katanya kepada pemberita semalam.

Jelas Kasim lagi, ikan-ikan asli yang ditemukan di Sungai Linggi antaranya ikan duri, ikan sumpit, ikan selat, udang galah, ikan haruan pasir, ikan



**IKAN patin hitam antara tiga jenis ikan asing yang ditemukan di Sungai Linggi menerusi Inventori Perikanan Darat yang dilaksanakan pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di Pengkalan Kempas, Port Dickson.**

buntal, ikan siakap, ikan bulan dan ikan kitang.

Menurutnya, seramai 25 orang terdiri daripada nelayan dan pegawai-pegawai perikanan telah terlibat menjalankan inventori perikanan dengan menggunakan peralatan jaring dan pancing.

"Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sentiasa komited menambah stok ikan asli di perairan Sungai Linggi di samping menjaga ekosistem dan sumber perikanan supaya

hasil pendapatan nelayan dan penduduk setempat terus terjamin.

"Oleh itu, orang awam yang memiliki ikan asing sebagai ikan peliharaan agar lebih bertanggungjawab dan tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum."

"Tindakan ini akan menyebabkan ikan-ikan asli sedia ada di perairan tersebut menjadi mangsa kepada ikan asing yang bersifat lebih agresif," katanya.